

Wakal anjur program Bahimpon Jasa Bakanang

Pamer adat, tradisi suku Kedayan

Oleh **MD. KHAIRUL AZAD YUNUS**

LABUAN – Program Bahimpon Jasa Bakanang anjuran Biro Wanita Persatuan Kedayan Labuan (Wakal) menyajikan keunikan tradisi dan budaya suku kaum Kedayan di pulau ini.

Ketuanya, Zurinah Matli, berkata, Bahimpon Jasa Bakanang diisi dengan pertandingan Kubamban (busana) etnik Kedayan Labuan bagi kategori Alai Kapoo (12 tahun ke bawah), kategori Indong Kapoo (dewasa dan ibu-ibu) dan kategori Kapala Kapoo (remaja).

"Kita juga mengadakan pertandingan menghias bunga telur dahulu kala, gubahan hanjalai pinglas serta persembahan bamukun oleh kumpulan Watan Labuan yang diang-

gotai golongan belia Kedayan.

"Selain itu, kita boleh mempromosikan Tamu Bukit Kuda sebagai pusat pengumpulan dan jualan hasil tani serta produk kampung sekali gus mengeratkan hubungan siraturahmi antara warga kampung yang terdiri daripada pelbagai etnik di Labuan selain menaikkan taraf ekonomi warga kampung," katanya.

Katanya, acara santai pertama kali itu dianjurkan bagi mengenang jasa ahli-ahli persatuan yang berjaya memelihara serta membawa nama etnik kedayan dan Wilayah Persekutuan Labuan ke seluruh kepulauan Borneo demi memelihara legasi turun temurun khazanah pusaka melalui konsep padian (saudara) dalam rumpun etnik Kedayan.



PESERTA Kubamban Indong Kapoo memperagakan busana etnik Kedayan pada program Bahimpon Jasa Bakanang di Kampung Bukit Kuda baru-baru ini.

Sementara itu, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli yang juga Yang Dipertua Wakal berkata, program tersebut amat baik dijadikan tarikan pelancong ke Labuan.

"Saya harap Wakal dapat menjalankan pelbagai program sebegini sebagai salah

satu tarikan utama pelancong ke Labuan terutama pada Tahun Melawat Malaysia 2020 seperti acara 'Makan Tahun' yang menjadi majlis tahunan bagi masyarakat Kedayan di tempat lain seperti di Sarawak, Sabah dan Brunei.

"Kita mampu menarik pe-

lancong tempatan dan luar jika 'Makan Tahun' dapat kita laksanakan dengan pelbagai pengisian atau pertandingan berasaskan tradisi suku kaum Kedayan," katanya.

Beliau turut berharap ada penyelidikan atau penulisan mengenai keunikan suku kaum Kedayan di Labuan.

"Kita perlu ada penulisan berbentuk kajian terhadap kebudayaan atau tradisi Kedayan agar ia boleh menjadi rujukan akademik mahupun sebagai rujukan pelancong lebih-lebih lagi apabila kita menuju ke zaman moden kini," jelasnya.

Program itu turut dihadiri Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Labuan, Simsudin Sidek dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Bukit Kuda, Omar Tangkim.